

UNIT REKOD PERUBATAN, HOSPITAL SUNGAI SIPUT

1.0 PENGENALAN

Unit Rekod Perubatan merupakan perkhidmatan sokongan yang dipertanggungjawab dalam pengurusan rekod-rekod perubatan pesakit (RPP), mengurus permohonan Laporan Perubatan dan pusat pengumpulan maklumat atau data-data statistik untuk keperluan pihak hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak. Sebagai penyimpanan rekod berpusat, Rekod Perubatan Pesakit (RPP) didaftarkan dengan kaedah “One Patient One Folder” dan disimpan menggunakan “Terminal Digit Filling System”.

2.0 VISI, MISI & OBJEKTIF

2.1 VISI

Memperkasa tadbir urus perkhidmatan rekod perubatan yang lebih efisien.

2.2 MISI


Meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan di Unit Rekod Perubatan.

2.3 OBJEKTIF

Unit Rekod Perubatan akan memastikan 90% laporan perubatan disiapkan dalam tempoh 14 hari bekerja.

3.0 CARTA ORGANISASI UNIT

CARTA ORGANISASI UNIT REKOD PERUBATAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT



Rajah 1: Carta Organisasi Unit Rekod Perubatan Tahun 2024

4.0 PERJAWATAN

4.1 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1.	Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)	N29	1
2.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	2
3.	Pembantu Operasi	N11	1

Jadual 1: Perjawatan Unit Rekod Perubatan Tahun 2024

5.0 SKOP PERKHIDMATAN / FUNGSI UTAMA UNIT

Skop perkhidmatan dan fungsi utama Unit Rekod Perubatan adalah seperti berikut:-

- i. Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit Dalam (RPP) termasuk kad-kad kecemasan yang berpotensi sebagai kes *Medico-legal* dan filem-filem X-Ray.
- ii. Pemantauan dan penyeliaan ke atas penambahbaikan RPP dari semasa ke semasa.
- iii. Penyediaan Statistik Pesakit Dalam (SMRP Web-based), Pesakit Luar, Rawatan Harian dan Perkhidmatan Sokongan.
- iv. Pengurusan kemasukan data pesakit ke dalam Sistem Casemix.
- v. Penyelaras *Hospital Performance Indicator Accountability* (HPIA), *National Indicator Approach* (NIA) dan *Key Performance Indicator* (KPI) ke atas penerimaan rekod perubatan pesakit discaj dan penyediaan laporan perubatan dalam tempoh yang ditetapkan.
- vi. Pengurusan permohonan dan siap laporan perubatan pesakit
- vii. Pengurusan pentadbiran Unit Rekod Perubatan seperti berikut:
 - a) Pelupusan rekod perubatan mengikut Jadual Pelupusan Rekod Perubatan 2016 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan diluluskan oleh Arkib Negara.
 - b) Sekretariat Jawatankuasa Rekod Perubatan yang berfungsi untuk memantau tadbir urus rekod perubatan pesakit.
 - c) Sekretariat semua program/latihan yang digendalikan oleh Unit Rekod Perubatan.

6.0 PIAGAM PELANGGAN

- i. 90% Laporan perubatan yang dipohon akan disiapkan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.
- ii. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, jujur dan ikhlas.

6.1 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Penyediaan laporan perubatan merupakan antara indikator **PENTING** unit ini dan tersenarai sebagai Piagam Pelanggan Teras dan *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) dan perlu mencapai 90% siap dalam tempoh 14 hari bekerja. Jenis laporan yang diambilkira di dalam indikator ini adalah;

- i. Laporan Perubatan Biasa
- ii. Laporan Perkeso
- iii. Laporan KWSP
- iv. Laporan Insurans
- v. Laporan Peguam

7.0 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

7.1 KURSUS

Kesemua kakitangan berjaya menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam tahun 2024. Diantara kursus-kursus dan latihan yang dihadiri oleh kakitangan adalah seperti berikut:

- Kursus Pengurusan Rekod Perubatan
- Kursus BLS
- Kursus SMRP
- Kursus e-jejak
- Kursus audit dalaman
- Kursus MIMOS

Pencapaian kursus/taklimat kakitangan adalah seperti berikut:

- 7 hari berkursus - 2 orang
- 8 hari berkursus - 1 orang
- 9 hari berkursus - 1 orang

7.2 MyCPD

Hanya Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29 sahaja diwajibkan untuk merekodkan pencapaian mata kursus ke dalam system MyCPD dan berjaya mencapai pada target yang diberikan.

8.0 AKTIVITI TAHUN 2024

8.1 Mesyuarat Rekod Perubatan

Unit Rekod Perubatan mengadakan mesyuarat jabatan sebanyak 2 kali setahun. Mesyuarat yang diadakan adalah untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dan berbangkit tentang perkhidmatan jabatan ini.

8.2 Audit Ketepatan & Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal Dan Ketepatan Penetapan Kod ICD-10

Semua hospital casemix dikehendaki menjalankan audit khusus terlebih dahulu berpandukan sampel yang telah diberikan oleh Sub Unit Casemix Kementerian Kesihatan Malaysia. Tempoh untuk menjalankan audit khusus ini bermula 1 Mac 2024 sehingga 10 Mei 2024 dan telah diaudit oleh Dr. Fizatul Akmar binti Basri, Pegawai Perubatan UD54. Audit ini bertujuan untuk menganalisa tahap ketetapan dan kesempurnaan dokumentasi klinikal serta tahap ketetapan penetapan kod diagnosis menurut keperluan ICD-10. Sebanyak 96 Rekod Perubatan Pesakit telah diaudit.

8.3 Audit Rekod Perubatan Pesakit

Audit ini telah diadakan pada bulan Mei 2024 di Unit Rekod Perubatan dan telah diaudit oleh beberapa Doktor dan Jururawat Hospital Sungai Siput. Berikut adalah senarai nama juruaudit Dr. Pravin Roy a/l Parasuraman, Dr. Zulaikha binti Osman, Dr. Nicole Ngo Zhe Yin, Encik Mohd Fadly bin Abas dan Puan Kamariah. Audit Rekod Perubatan ini hendaklah dilaksanakan 1 tahun sekali dengan jumlah pensampelan adalah sebanyak 1.5% daripada jumlah discaj Pesakit Dalam. Sebanyak 55 Rekod Perubatan Pesakit telah diaudit.

Pertukaran mystep

Personal MyStep yang terdahulu telah mendapat tawaran kerja baru dan digantikan dengan Personal MyStep baru pada 1 April 2024.

8.4 Aktiviti Pengasingan dan Penghantaran Rekod-rekod Perubatan Bagi Tujuan Pelupusan



8.4 Majlis Suai Kenal Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29 yang melapor diri pada 02 Oktober 2023



9.0 PENCAPAIAN TAHUN 2024

9.1 *National Indicator Approach (NIA 1)*

Petunjuk : Peratus laporan perubatan yang disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Piawaian : Tidak kurang dari 90%

BULAN	JUMLAH SIAP DALAM 14 HARI BEKERJA	JUMLAH PERMOHONAN	PENCAPAIAN%
Januari	42	47	93.48
Februari	37	40	92.50
Mac	37	40	92.50
April	31	33	93.94
Mei	39	42	92.86
Jun	40	42	95.24
Julai	47	50	94.00
Ogos	41	45	91.11
September	41	43	95.35
Oktober	51	55	92.73
November	43	46	93.48
Disember	48	53	90.57
JUMLAH	497	536	92.72

Jadual 3: Pencapaian Penyediaan Laporan Perubatan 2024 (NIA 1)

9.2 *National Indicator Approach (NIA 2)*

Petunjuk : Peratus rekod perubatan yang dihantar dalam masa 72 jam bekerja setelah pesakit discaj.

Piawaian : Tidak kurang dari 95%

BULAN	JUMLAH REKOD DIHANTAR DALAM TEMPOH 72 JAM	JUMLAH REKOD	PENCAPAIAN
Januari	295	306	96.40%
Februari	270	277	97.47%
Mac	345	354	97.45%
April	344	359	95.82%
Mei	348	389	89.46%
Jun	334	351	95.15%
Julai	356	368	96.73%
Ogos	341	350	97.43%
September	371	383	96.86%
Oktober	369	385	95.84%
November	336	347	96.82%
Disember	356	372	95.69%
JUMLAH	4065	4241	95.85%

Jadual 4: Pencapaian Pengurusan Rekod Perubatan 2024 (NIA 2)

9.3 *National Indicator Approach (KPI 3)*

Petunjuk : Peratus permohonan lengkap laporan perubatan yang dihantar kepada pegawai perubatan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Piawaian : Tidak kurang dari 90%

BULAN	JUMLAH SIAP DALAM 8 HARI BEKERJA	JUMLAH PERMOHONAN	PENCAPAIAN %
Januari	51	53	96.23
Februari	43	44	97.73
Mac	37	37	100.00
April	36	37	97.30
Mei	55	57	96.49
Jun	55	57	96.49
Julai	39	41	95.12
Ogos	43	43	100.00
September	55	55	100.00
Oktober	45	45	100.00
November	53	53	100.00
Disember	44	44	100.00
JUMLAH	556	566	98.23

Jadual 5: Pencapaian Penyediaan Laporan Perubatan Oleh Pegawai Perubatan

9.4 National Indicator Approach (KPI 4)

Petunjuk : Peratus rekod perubatan untuk temujanji klinik pakar yang dikesan dalam 3 hari bekerja.

Piawaian : Tidak kurang dari 95%

BULAN	JUMLAH DIKESAN DALAM 3 HARI BEKERJA	JUMLAH REKOD	PENCAPAIAN
Januari	253	253	100%
Februari	232	232	100%
Mac	280	280	100%
April	251	251	100%
Mei	256	256	100%
Jun	238	238	100%
Julai	295	295	100%
Ogos	283	283	100%
September	247	247	100%
Oktober	293	293	100%
November	286	286	100%
Disember	290	290	100%
JUMLAH	3204	3204	100%

Jadual 6: Pencapaian Rekod Perubatan Temujanji Klinik Pakar 2024 (KPI 4)

10.0 BEBAN KERJA DAN STATISTIK 2024

10.1 Beban Kerja Unit Rekod Perubatan bagi Pengurusan Rekod Perubatan dan Laporan Perubatan


BULAN	*Bilangan	Rekod yang dipinjam				Jumlah
	Rekod				Rekod yang	
	Perubatan	Wad	Klinik	Individu/	dikeluarkan	
	Pesakit			Kajian	untuk	
					laporan	
					perubatan	
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(2+3+4+5)
Januari	9789	81	253	0	12	346
Februari	8077	67	232	0	12	311
Mac	8056	60	280	0	5	345
April	8891	98	251	0	10	359
Mei	9914	109	256	0	15	380
Jun	9257	69	238	0	8	315
Julai	11508	58	295	0	7	360
Ogos	10442	97	283	0	12	392
September	10063	74	247	0	10	331
Oktober	10282	101	293	0	15	409
November	10282	88	286	9	17	383
Disember	9943	89	290	0	12	391
JUMLAH	116504	991	3204	9	135	4322

Jadual 7: Pengurusan Rekod Perubatan

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2024

BULAN	*Jumlah Permohonan Laporan Perubatan	Bilangan Permohonan Laporan Perubatan Mengikut Jenis				Bilangan Laporan Perubatan yang disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan
	Laporan Oleh Pegawai Perubatan	Laporan Ringkas/ Pendapat Pakar	Laporan Terperinci Pakar	Jumlah (a+b+c)		
	(a)	(b)	(c)			
Januari	45	47			47	42
Februari	44	40			40	37
Mac	37	40			40	37
April	37	33			33	31
Mei	57	42			42	39
Jun	41	42			42	40
Julai	41	50			50	47
Ogos	43	45			45	41
September	55	43			43	41
Oktober	45	55			55	51
November	53	46			46	43
Disember	44	53			53	48
Tahunan						

Jadual 8: Pengurusan Laporan Perubatan



Rajah 2: Statistik Pengurusan Laporan Perubatan pada tahun 2022-2024


Rajah 1 menunjukkan pencapaian pengurusan laporan perubatan dalam mengendalikan laporan sehingga siap dalam tempoh 14 hari bekerja. Secara keseluruhannya, pada tahun 2024 prestasi pengurusan laporan perubatan menampakkan sedikit penurunan. Pengurusan laporan perubatan antara aktiviti penting jabatan kerana tersenarai sebagai Piagam Pelanggan Teras, *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) dan *National Indicator Approach* (NIA 1) dan perlu mencapai sekurang-kurangnya 90%

10.2 Statistik Hospital (2022 - 2024)


BIL	PERKARA	2022	2023	2024
1.	Penggenapan Katil (Rasmi)	93	93	93
2.	Penggenapan Katil (Beroperasi)	93	93	93
3.	Jumlah Kemasukan	4817	4076	4256
4.	Purata Harian Bilangan Kemasukan	13.20	11.17	11.63
5.	Jumlah Keluar Hospital	4805	4092	4241
6.	Jumlah Hari Pesakit	14782	12581	12862
7.	Purata Harian Bilangan Katil Yang	40.50	34.47	35.14
8.	Kadar penggunaan katil	43.55	37.06	37.79
9.	Purata jangkamasa tinggal (hari)	3.08	3.07	30.3
10	Jangkamasa katil dikosongkan (hari)	3.99	5.22	4.99

Jadual 9: Statistik Ke Atas Penggunaan Katil Hospital

Jumlah Kemasukan Dan Discaj




Kadar Penggunaan Katil (BOR)



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2024

NO	MAIN CONDITION	ICD-11 CODE	NO OF CASES (PERCENT)	
1	Pneumonia, unspecified			
2	Bronchopneumonia, unspecified			
3	Neonatal jaundice, unspecified			
4	Unstable angina			
5	Gastroenteritis and colitis of unspecified origin			
6	Spontaneous vertex delivery			
7	Acute bronchiolitis, unspecified			
8	Asthma, unspecified			
9	COVID-19, virus identified			
10	Viral infection, unspecified			

Jadual 10: Punca Utama Kemasukan ke Hospital,2024




Rajah 5: Kematian Hospital Sungai Siput Mengikut Tahun 2021-2023

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2024


NO	UNDERLYING CAUSE OF DEATH	ICD-10 CODE	NO OF CASES (PERCENT)	
1	TIADA DATA DARI CASEMIX			
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

Jadual 11: Punca Utama Kematian di Hospital, 2023



Rajah 6: Statistik Pengurusan Laporan Perubatan Tahun 2021-2023

Rajah 1 menunjukkan pencapaian pengurusan laporan perubatan dalam mengendalikan laporan sehingga siap dalam tempoh 14 hari bekerja. Secara keseluruhannya, pada tahun 2023 prestasi pengurusan laporan perubatan menampakkan sedikit penurunan. Pengurusan laporan perubatan antara aktiviti penting jabatan kerana tersenarai sebagai Piagam Pelanggan Teras, *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) dan *National Indicator Approach* (NIA 1) dan perlu mencapai sekurang-kurangnya 90%



Rajah 7: Pencapaian Penghantaran Rekod Perubatan (Inpatient) Dalam Tempoh 72 Jam 2021-2023

Dalam memastikan keselamatan rekod-rekod pesakit terjamin, *National Indicator Approach* (NIA) ini diwujudkan agar rekod pesakit yang telah discaj dari wad perlu dihantar ke Jabatan Rekod Perubatan untuk simpanan dan penyelenggaraan selanjutnya dalam tempoh 72 jam. Bagi tahun 2024 untuk bulan Mei, penghantaran rekod perubatan pesakit menunjukkan penurunan berikutan tedapat beberapa penambahbaikan dalam Rekod Perubatan Pesakit yang perlu lebih diperketatkan berdasarkan ***Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit bagi Hospital -Hospital dan Institusi Perubatan Bil 17/2010***. Namun begitu, penghantaran rekod perubatan pesakit masih dalam tahap piawaian yang ditetapkan iaitu tidak kurang dari 95%.

11.0 PELAN TINDAKAN UNIT TAHUN 2024 YANG TELAH DIJALANKAN

Semua pelan tindak URP telah disokong oleh Pengarah Hospital Sungai Siput beserta dengan surat dan kertas kerja.

11.1 PERJAWATAN PEMBANTU TADBIR MYSTEP 2024

Telah digantikan oleh Muhammad Faiz Ikhwan Bin Abdul Halim dan telah melaporkan diri pada tarikh 01 April 2024

11.2 KURSUS-KURSUS/BENGKEL/PROGRAM KESEDARAN DAN KEFAHAMAN PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN REKOD PERUBATAN PESAKIT DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DAN JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN 2016

Unit Rekod Perubatan telah menjemput penceramah daripada Hospital Tapah (Puan Ruzaini binti Ab Rahman) dan Hospital Teluk Intan (En. Mior Zakuan bin Ahmad). Kursus ini dirasmikan oleh Pengarah Hospital Sungai Siput, Dr Asrul Sani bin Shamsuddin. Kursus ini berjalan pada 10.07.2024 bermula 8.00pagi – 5.00petang bertempat Dewan CME Hospital Sungai Siput dan jemputan peserta daripada Hospital Kuala Kangsar, Hospital Selama dan Hospital Taiping.

Selain itu, kami menyediakan “*google meet*” untuk peserta luar Kawasan perak. Kursus ini digendalikan semua kakitangan Unit Rekod Perubatan yang diketuai oleh Puan Nur Amirah binti Noorul Azmi, juruacara Muhammad Faiz Ikhwan Bin Abdul Halim, penyediaan sistem Mohd Hassan bin Ismail, pendaftaran Nurzedda Binti Mohamad Puzi, penyediaan makanan dan cenderhati Shaharimah Bt Abu Bakar. Sokongan baik daripada peserta Hospital Sungai Siput dan peserta luar amatlah memberangsangkan. Selain itu, galakan menyediakan lagi kursus seperti ini bagi mengenalpasti aturcara penjagaan Rekod Perubatan Pesakit lebih teratur dan rapi.

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2024



11.3 MEMPERKENALKAN SISTEM E-JEJAK

Unit Rekod Perubatan Hospital Tapah memperkenalkan sistem E-jejak untuk mengenalpasti pergerakan rekod perubatan pesakit. Jemputan penceramah daripada Puan Ruzaini Ketua Unit Rekod Perubatan bagi menerangkan cara-cara penggunaan E-jejak dan program ini disokong penuh oleh Pengarah Hospital Sungai Siput. Sistem ini penggunaan sementara sebelum menggunakan sistem MPIS.



11.4 AKTIVITI “TASK-FORCE”

JKN Perak Bahagian Rekod Perubatan bercadang untuk melakukan aktiviti Task-Force bagi mana-mana hospital seluruh Perak yang akan menghadapi Audit Akreditasi. Fokus utama aktiviti ini yang dilaksanakan adalah memindahkan RPP dari stor penyimpanan aktif ke stor tidak aktif dan sebanyak 15 buah hospital seluruh Negeri Perak menghadiri aktiviti ini. Unit Rekod Perubatan Hospital Sungai Siput pertama kalinya dijemput untuk menghadiri task-force ini yang bertempat di Unit Rekod Perubatan, Hospital Slim River, Perak. Hospital tersebut akan menjalani Audit Akreditasi 2024. Kakitangan yang menghadiri aktiviti tersebut adalah Puan Nur Amirah binti Noorul Azmi, Mohd Hassan bin Ismail dan Nurzedda Binti Mohamad Puzi.



11.5 PENGENALAN ICD11 KEPADA HOSPITAL SUNGAI SIPUT SECARA ATAS TALIAN

Memandangkan Pusat Informatik Kesihatan telah memaklumkan kepada Unit Rekod Perubatan mengenai perubahan sistem coding dari ICD-10 kepada ICD-11. Ketua Unit Rekod Puan Nur Amirah telah menjemput penceramah dari Pusat Informatik Kesihatan iaitu Dr Erwyn Ooi Chin wei (Ketua Penolong Pengarah Bhg Perancangan Pusat Informatik Kesihatan) bagi menerangkan secara ringkas cara-cara penggunaan ICD11 secara dalam talian. Sistem ICD11 ini adalah sistem coding dimana pengguna boleh menerusi pencarian coding di ICD11 dan tidak perlu menggunakan buku rujukan ICD10. Ianya dapat memudahkan lagi diagnosis dalam sistem tersebut. Seramai 130 lebih peserta dalam talian mengikuti khusus ini.

11.6 JEMPUTAN KE SESI TRAINING OF TRAINERS (ToT) BAGI SISTEM MAKLUMAT RAWATAN PELANGGAN (SMRP) DI BAWAH PROJEK PENAMBAHBAIKAN FUNGSI DAN PENGUKUHAN KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) UNTUK APLIKASI MALAYSIAN HEALTH DATA WAREHOUSE (MYHDW), SMRP DAN PATIENT REGISTRY INFORMATION SYSTEM (PRIS)

Puan Nur Amirah telah dijemput untuk menghadiri slot pengguna SMRP selama 4 hari yang bertempat di bilik seminar aras 2, MIMOS Berhad Technology Park Malaysia. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penambahbaikan fungsi sistem yang telah dilaksanakan. Selain itu, kursus ini adalah untuk pengenalan mengenai sistem terbaharu yang akan dijalankan dan pengguna SMRP perlu mengetahui cara-cara penggunaan sistem tersebut.



11.7 HAND-ON SMRP DI BILIK DAFTAR MASUK HOSPITAL SUNGAI SIPUT

URP mengesan terdapat kesalahan kemasukan data-data pesakit melalui pengisian maklumat dalam SMRP seperti kesalahan ejaan nama, kesalahan masa kemasukan pesakit, kesalahan RN pesakit, kesalahan no kad pengenalan dan lain-lain. Bagi mengurangkan kesalahan itu berlaku dan sokongan daripada Pengarah dan Ketua Unit Kecemasan dan Trauma, Ketua URP telah menjalankan sesi bagaimana untuk mengisi maklumat melalui sistem dengan menggunakan no kad pengenalan pesakit. Cara ini lebih mudah dan cepat untuk pengisian di dalam sistem dan terus mencetak maklumat pesakit tersebut. Ianya dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan yang dulu kerap berlaku. Tidak ketinggalan juga, kami menjemput Ketua Unit Rekod Perubatan dan kakitangan Bilik Daftar Masuk Hospital Selama untuk mengikuti program ini dan boleh diterapkan cara kerja di Hospital Selama bagi mengurangkan beban kerja.



11.8 TASK-FORCE UNIT REKOD PERUBATAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT

URP mencadangkan mengadakan aktiviti task-force bagi memudahkan pencarian dan simpanan RPP. Kawasan unit yang terlalu kecil, URP perlu menggunakan ruang yang ada dengan sebaik mungkin. Aktiviti ini dijalankan selama 3 kali selama 3 bulan berturut-turut. Kami membahagikan rak penyimpanan yang aktif mengikut disiplin dalam hospital, filem x-ray mengikut no kad pengenalan pesakit, dan lain-lain. Selesai sahaja aktiviti ini, kakitangan URP menyediakan penanda pada rak yang telah diubah bagi memudahkan penyimpanan dan pencarian RPP.



11.9 AKTIVITI PELUPUSAN UNIT REKOD PERUBATAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Setiap hujung tahun URP telah menjalankan pengasingan RPP, helaian data, filem x-ray yang sudah tamat tempoh untuk dilupuskan. URP tidak pernah melepaskan peluang untuk melupuskan bahan-bahan ini kerana URP memerlukan ruang yang lebih luas. Aktiviti ini dilakukan selama 3 hari untuk pengasingan RPP, helaian data, filem xray dan dokumem lain yang berkaitan. Penghantaran surat permohonan kepada Arkib Negara Perak setiap awal tahun bagi memudahkan menyusun Tarikh untuk pengasingan bahan-bahan pelupusan. URP menyediakan kawasan untuk meletakkan bahan-bahan pelupusan supaya tidak bercampur dengan bahan yang belum tamat tempoh. Selesai sahaja pengasingan, URP, langkah seterusnya ialah menuju ke kilang pembakaran kertas untuk dibakarkan. Sesi ini akan menunggu sehingga selesai.



11.10 MOCK SURVEY DI HOSPITAL SELAMA

URP berpeluang untuk mengikuti mock survey bertempat di Hospital Selama. URP mengambil peluang ini untuk melihat cara-cara penyediaan dokumen dan penambahbaikan maklumat dalam dokumen yang boleh diterapkan di Unit Rekod Perubatan Hospital Sungai Siput. Daripada mock survey tersebut, URP membuat perubahan untuk penyediaan sebelum audit akreditasi Hospital Sungai Siput. Lawatan ini disertai oleh Puan Nur Amirah binti Noorul Azmi dan Shaharimah Bt Abu Bakar



**11.11 KURSUS SISTEM MAKLUMAT RAWATAN PELANGGAN (SMRP)
BENGKEL LATIHAN PENGKODAN DIAGNOSIS ICD-11 DAN
CERTIFICATION OF CODERS (COC) BAGI PENYELARAS CASEMIX
DAN CODERS PERINGKAT JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK**

Semua kakitangan URP perlu memahami cara-cara pengekodan untuk maklumat penyakit pesakit. Pusat informatik Kesihatan menjemput Puan Nur Amirah untuk menghadiri kursus ini dan mengambil peperiksaan selepas mendengar taklimat tersebut. Selama 3 hari kursus dijalankan bertempat di Makmal Komputer Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sultan Azlan Shah (ILKMSAS) Tanjung Rambutan. Selain itu, penggunaan ICD11 yang baharu sahaja digunakan perlu mengadakan kursus dengan lebih kerap bagi memastikan pengekodan lebih mahir.



11.12 JEMPUTAN SEBAGAI AUDITOR AUDIT DALAMAN AKREDITASI STD 7 (HIMS) DARI HOSPITAL TAPAH

Atas sokongan daripada Pengarah, Ketua URP telah menjemput auditor Akreditasi STD 7 iaitu Puan Ruzaini daripada Hospital Tapah bertujuan untuk membantu URP dari segi susunatur dokumen dalam RPP, cop dan tandatangan Pegawai Perubatan, cop "allergik" pada kulit RPP dan lain-lain. Selain itu, auditor menegur kulit RPP terlalu nipis dan tidak tahan lama. Pada masa yang sama, sesi lawatan ke wad-wad dimana letaknya RPP tersebut dan menegur kesalahan yang dilakukan pada maklumat pesakit. Selepas selesai sesi audit, Ketua URP mengeluarkan beberapa memo untuk perlaksanaan selepas teguran dari auditor dan perubahan telah dibuat mengikut arahan yang diberikan memandangkan sebelum ini tidak pernah buat semakan RPP secara berkala.



11.13 JEMPUTAN KURSUS PEMERKASAAN PENGURUSAN REKOD PERUBATAN

Jabatan Rekod Perubatan Hospital Taiping dengan usahasama Jabatan Kesihatan Negeri Perak telah mengadakan kursus di Peringkat Kluster Perak Utara. Objektif kursus ini adalah mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan di dalam tatacara pengendalian dan pengurusan rekod perubatan pesakit kepada semua anggota rekod bagi kelancaran organisasi yang bertempat Dewan CME, Hospital Selama.

URP Hospital Sungai Siput telah menghantar 2 anggota rekod iaitu, Mohd Hassan bin Ismail dan Muhammad Faiz Ikhwan Bin Abdul Halim selama sehari. Banyak ilmu pengetahuan yang baharu telah dipelajari dan diterapkan dalam URP HSS. Bukan sahaja kursus mengenai rekod perubatan tetapi kursus ini adalah mengukuhkan kerja berkumpulan dan cara berkomunikasi.



11.14 LAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

URP menerima lawatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia bahagian Rekod Perubatan untuk sesi perbincangan mengenai maklumat RPP, susunatur RPP, pinjaman dan pulangan RPP dan lain-lain. Memandangkan sebelum ini, URP tidak pernah menerima lawatan daripada Pegawai-Pegawai Rekod Perubatan. Semasa lawatan tersebut dijalan, Ketua URP membentangkan data-data hospital pada tahun 2022 sehingga 2024. Lawatan ini dianggotai 3 Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia, 2 Pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri.



11.15 KURSUS BASIC LIFE SUPPORT

Kursus ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan(JKKP) Hospital Sungai Siput untuk mempelajari cara-cara melakukan pertolongan cemas seperti CPR. Kursus ini dilaksanakan selama 1 hari bertempat di Bangunan UMNO Sungai Siput. Kursus ini melibatkan semua Ketua Unit Hospital Sungai Siput yang telah tamat tempoh pensijilan bagi CPR.



Bagi tahun 2024, Unit Rekod Perubatan bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih proaktif dengan menjalankan berkaitan sentiasa memenuhi sasaran yang ditetapkan seperti membangunkan sistem pencarian Rekod Perubatan Pesakit yang menyelaraskan segala tugas lebih mudah, dan juga menyediakan program-program kesedaran dokumentasi Rekod Pesakit bagi bertujuan untuk memastikan pencapaian Casemix Index (CMI) adalah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh kementerian.

Di samping itu, pengisian yang berkaitan dengan kecekapan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit (RPP) di dalam juga akan dikembangkan kepada program kesedaran/bengkel-bengkel separuh hari bagi melibatkan lebih ramai anggota sokongan di wad-wad dalam menjamin keberkesanan program-program lain yang diadakan.

Dengan semangat kerja berpasukan dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan tepat kepada pelanggan akan menjamin prestasi jabatan selaras dengan kehendak kementerian.

12.0 KESIMPULAN

Unit Rekod Perubatan (URP) akan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Demi mencapai matlamat tersebut, URP memerlukan kerjasama antara jabatan dan lain-lain unit samada Perkhidmatan Klinikal dan Perkhidmatan Sokongan.

Disediakan Oleh:

Nur Amirah binti Noorul Azmi

Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29

Unit Rekod Perubatan

Hospital Sungai Siput.